

Headline	60 syarikat tawar peluang kerja di SLIM Zon Utara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 May 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	20
ArticleSize	381 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 39,249		



60 syarikat tawar peluang kerja di SLIM Zon Utara

Kuala Lumpur: Lebih 8,000 peluang pekerjaan disediakan Program Temu Duga Terbuka Skim Latihan 1Malaysia (SLIM) Peringkat Zon Utara dan Festival Keusahawanan Industri Tani 2017 yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini di Stadium Sultan Abdul Halim, Alor Setar, Kedah.

Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Dr Rahamat Bivi Yusoff, berkata lebih 60 syarikat mengambil bahagian termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC):

"Program temu duga terbuka ini menawarkan ribuan peluang pekerjaan dan latihan kepada semua pencari kerja tanpa mengira latar belakang serta peringkat kelulusan."

"Sesi temu duga akan dijalankan secara terus oleh syarikat yang terbabit dengan program ini," kata dia pada sidang media, semalam.

SLIM Zon Utara yang dijangka menarik 15,000 pengunjung akan dirasmikan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

Selain menawarkan peluang pekerjaan, program ini turut membawa pelbagai peluang peningkatan pendapatan melalui latihan dan bimbingan perniagaan ditawarkan agensi kerajaan yang mengambil bahagian.

Incentif potongan cukai

Rahamat berkata, SLIM juga meminta pihak terbabit dalam program itu khususnya syarikat swasta membantu graduan tempatan meningkat kebolehpasaran mereka, sekali gus membaiki taraf ekonomi

graduan dan keluarga.

"Syarikat yang terbabit akan diberi insentif potongan cukai berganda atau Skim HRDF-SLIM dalam usaha menggalakkan lagi pembabitan syarikat swasta dalam program tanggungjawab khidmat sosial (CSR) ini," katanya.

Antara syarikat besar yang menyertai program itu termasuk Kha-

zanah Nasional, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Maybank, Celcom dan Lembaga Tabung Haji.

Sementara itu, EXCO Kerajaan Kedah, Datuk Suraya Yaakob, berkata SLIM menyediakan pelbagai peluang di bawah satu bumbung dan terbuka kepada semua tanpa mengira tahap pendidikan.

"Pengunjung bukan saji berpeluang mencari kerja di sektor swasta tetapi boleh membuat pilihan sama ada menjadi usahawan atau terbabit dalam bidang pertanian.

"Memandangkan Kedah adalah negeri pertanian, kami akan mempromosikan bidang ini pada program SLIM kali ini dengan pembabitan pelbagai agensi seperti

Lembaga Pertanian Muda (MADA) yang menyediakan pelbagai latihan seperti kursus penggunaan drone untuk aktiviti sawah.

Latih jadi pengurus ladang

"Latihan dalam bidang pertanian ini bukan untuk menjadi petani tetapi melatih mereka menjadi pengurus ladang," katanya.

Program kali ini juga turut menampilkan beberapa artis terkenal seperti Faizal Tahir, Kumpulan Zerro, Khalifah Band, Aizat Amdan, Azlan & The Typewriter dan Projector Band, malah 70 gerai jualan, perkhidmatan servis motosikal, serta gerai kesihatan disediakan untuk pengunjung.

Headline	60 syarikat tawar peluang kerja di SLIM Zon Utara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 May 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	20
ArticleSize	381 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 39,249		



Headline	60 syarikat tawar peluang kerja di SLIM Zon Utara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 May 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	20
ArticleSize	381 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 39,249		



Rahamat bersama Suraya (kiri) dan Ketua Sekretariat SLIM Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Norashikin Ismail (kanan) pada sidang media SLIM di Kuala Lumpur, semalam.